

24 JUL 1997

MENTERI LUAR ASEAN KUNJUNGI MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima kunjungan menteri luar sembilan negara anggota Asean sebelum bermulanya Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30 di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini hari ini.

Laos dan Myanmar menghadiri AMM tahunan itu bagi kali pertama sebagai anggota penuh berikutan penerimaan mereka ke dalam pertubuhan serantau itu.

Para menteri luar itu ialah Pangeran Mohamed Bolkiah (Brunei), Ali Alatas (Indonesia), Somsavat Lengsavad (Laos) Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Malaysia), Ohn Gyaw (Myanmar), Domingo Siazon (Filipina), S.Jayakumar (Singapura), Prachuab Chaiyasan (Thailand) dan Nguyen Manh Cam (Vietnam).

Dr Mahathir menemui mereka selama kira-kira setengah jam sebelum ke majlis pembukaan rasmi AMM di hotel itu. -- BERNAMA

ES NMO